



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

LJT 6 Jld. 8/(28)

RUJUKAN KAMI:

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: secretary@ljt.org.my

laman web: www.ljt.org.my

14 April 2008

Semua Juruukur Tanah Berlesen

PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH BILANGAN 2 TAHUN 2008 – TARIKH TUTUP AKAUN TAHUNAN LEMBAGA JURUKUR TANAH

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Juruukur Tanah Berlesen (JTB) bahawa mulai tahun 2008 ini, Lembaga Jurukur Tanah (Lembaga) akan melaksanakan penutupan akaun tahunannya pada 15 Disember setiap tahun.

2. LATARBELAKANG

2.1 Lembaga, sebagai sebuah organisasi yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen dan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta 240, AKTA BADAN BERKANUN (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980, dikehendaki mengemukakan akaun tahunannya yang belum diaudit dalam bulan Januari tahun berikutnya.

2.2 Di masa lalu Lembaga mengamalkan penutupan akaun tahunannya pada tarikh akhir bulan Disember setiap tahun yang mana pentadbirannya mengalami kesukaran dan kesuntukan masa kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Keadaan ini

menyebabkan laporan akaun tahunan tersebut hanya dapat dihantar kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (Kementerian) pada hari-hari terakhir bulan Januari.

3. PELAKSANAAN

Bagi membolehkan Lembaga menyediakan dan mengemukakan laporan akaun tahunannya dalam tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian, Lembaga menetapkan tarikh 15 Disember setiap tahun sebagai tarikh tutup akaun tahunan. Lembaga akan hanya memproses deposit bayaran ukur (deposit) atau tuntutan bayaran kemajuan ukur (tuntutan) yang diterima teratur sebelum atau pada 15 Disember setiap tahun. Mana-mana deposit dan tuntutan yang diterima selepas tarikh tersebut akan dibawa ketahun berikutnya. Sekiranya JTB menghendaki deposit diproses atau tuntutannya dilunaskan dalam tahun semasa, JTB terbabit hendaklah mengemukakan deposit atau tuntutannya sebelum atau pada tarikh tersebut.

4. PENGUATKUASAAN

Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada tarikh pengeluarannya.



(DATUK HAMID BIN ALI)

Pengerusi

Lembaga Jurukur Tanah
Semenanjung Malaysia